

# ***PNS martabatkan jenama francais melalui pemilikan***

**K**erajaan mengunjurkan industri francais akan menyumbang sebanyak RM35 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2020.

Justeru, Perbadanan Nasional Berhad (PNS) yang merupakan sebuah agensi yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) telah diberi mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia.

PNS mempunyai sasaran untuk menerajui perkembangan industri francais di Malaysia dan membangunkan jumlah usahawan francais melalui kepakaran dalam memberikan perkhidmatan serta produk-produk yang berkualiti.

Ikuti temubual wartawan Norshahzura Mat Zuki bersama Pengarah Bahagian Perniagaan Francais PNS, Fauzi Awang mengenai peranan PNS dalam memacu pertumbuhan industri francais negara.



ngan dan pendidikan selain daripada pembuatan. Ini adalah sektor yang akan diterokai dan kami menggalakkan penglibatan usahawan tempatan untuk menerokai sektor-sektor ini.

**Selepas mengenal pasti sektor yang akan diterokai, apakah sektor yang berpotensi yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat?**

**FAUZI:** PNS mahu meluaskan kepada perijajaan kesihatan yang mempunyai permintaan tinggi dan melibatkan golongan profesional. Kami merancang untuk membina dua jenama dari Indonesia. Perijajaan kesihatan selepas menerima rawatan dari hospital mempunyai pasaran dalam industri francais. Selain itu, perijajaan bengkel kereta juga boleh dikembangkan dan kami akan bekerjasama dengan beberapa institusi ke-mahiran tempatan kerana ia mempunyai potensi cerah di negara luar.

**Apakah keistimewaan Gloria Jean's Coffees (GJC) di Malaysia berbanding jenama lain?**

**FAUZI:** Setiap minuman GJC disediakan oleh barista yang telah dilatih di Coffee University di Menara PNS, Bangsar South. Sebanyak 90 peratus penyediaan minuman pelanggan menggunakan keapakan barista dan hanya 10 peratus menggunakan mesin. Dan ini adalah keunikan yang kami sediakan berbanding jenama lain.

**Boleh kongsi latihan disediakan bagi bakal usahawan GJC?**

**FAUZI:** Latihan yang ditawarkan terbahagi kepada teori dan praktikal. Untuk teori, kami berikan penerangan mengenai jenama GJC, pengurusan operasi, teknik pemasaran dan jualan. Bagi praktikal, kami mempunyai Coffee University yang menyediakan latihan penyediaan kopi untuk menjadi barista yang terlatih. Selain itu, latihan pembuatan kopi juga dijalankan di kedai yang telah dibuka.



**FAUZI:** Melalui pembangunan francais, PNS mempunyai strategi untuk mencapai sasaran dalam membangunkan usahawan. Kami akan menawarkan skim kewangan francisor atau pelaburan ekuiti, memperkembangkan skim kewangan baharu, mengem-bangkan operasi yang efisien. Kami juga akan memperluaskan Akademi PNS menjadi institut PNS, menyediakan perkhidmatan konsultasi kepada francisor berpotensi dan mengurangkan kadar pinjaman. PNS akan melahirkan 1,000 usahawan, mengurangkan kadar pinjaman kepada 16 peratus pada 2023 berbanding 21 peratus pada 2018 juga akan mengurangkan kadar pinjaman dan akan menyediakan latihan kepada 10,000 peserta.

**Apakah sektor baharu yang bakal diterokai?**

**FAUZI:** Untuk memantapkan sumbangan PNS kepada industri francais, PNS mengambil pelbagai inisiatif antaranya menerokai sektor baharu iaitu penjagaan kesihatan, bioteknologi, perkhidmatan dan runcit, pelan-

**Boleh ceritakan potensi industri francais negara?**

**FAUZI:** Industri francais menunjukkan perkembangan pertumbuhan positif dan dijangka akan menyumbang sebanyak 35 peratus kepada KDNK pada 2020 berbanding hanya 30 peratus pada ketika ini. Dalam usaha membantu menyumbang kepada KDNK, kami memantapkan peranan PNS menerusi penstrukturan baharu iaitu pembangunan francais, industri francais, pembangunan usahawan, pelaburan dan hartanah. Dalam industri ini, kami holistik dan memfokuskan francais sahaja yang merupakan fokus PNS yang sangat relevan dalam membantu usahawan terlibat dalam industri ini.

Pertumbuhan industri francais adalah lima peratus. Penglibatan syarikat sebanyak 845 kepada 887 dalam industri francais didorong oleh peralihan usahawan yang memulakan perniagaan sendiri dan mengembangkannya mereka dalam industri francais. PNS berperanan menerajui pertumbuhan industri francais negara demi merealisasikan matlamat melahirkan lebih ramai usahawan dalam bidang perniagaan francais. Salah satu objektif utama PNS adalah membangunkan produk tempatan dan mengembangkannya ke luar negara.

**Setakat ini, berapakah jumlah francais yang dimiliki oleh PNS?**

**FAUZI:** Setakat ini, kami mempunyai tiga jenama iaitu Gloria Jean's Coffee (GJC), Abdul Samad Al-Qurashi (ASQ) dan 1901 yang dijanjikan dilancarkan pada November nanti. Permintaan pasaran terhadap jenama-jenama ini menunjukkan perkembangan positif dan kami merancang untuk memiliki beberapa lagi jenama lain. Setakat ini, sumbangan pendapatan francais PNS adalah RM14.1 juta.

**Dengan hanya beberapa jenama, bagaimana PNS dapat membantu industri francais terutamanya melahirkan ramai usahawan?**